

15 MAR 2003

Lim-MCA/I

LIM PELAWA BUAT KALI KEDUA UNTUK BERDAMAI DENGAN DR LING

KUALA LUMPUR, 15 Mac (Bernama) -- Timbalan Presiden MCA Datuk Seri Lim Ah Lek, sekali lagi menawarkan langkah untuk berdamai dengan presiden parti Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, bagi menyelesaikan krisis kepimpinan MCA demi kepentingan parti dan Barisan Nasional (BN).

"Ya sudah tentu, (cadangan penyelesaian) ini adalah demi negara, kita tidak mahu pembangkang memenangi lebih banyak kerusi. Saya sememangnya sentiasa ikhlas ...(bagaimanapun) beberapa fakta telah diputarbelitkan mengenai saya," kata Lim yang sudah dua tahun terlibat dalam pertelingkahan politik dengan Dr Ling.

Beliau memberitahu pemberita demikian semasa diminta mengulas kenyataan Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam bagi kedua-dua pihak supaya berhenti bertelagah. Lim sebelum itu menghadiri mesyuarat lembaga amanah Yayasan Chang Ming Thien di Wisma MCA di sini.

Katanya beliau telah memberitahu Dr Ling sebelum ini bahawa beliau mahu masalah yang melanda parti itu diselesaikan dengan baik tetapi tawaran beliau tidak disambut.

Tawaran itu, katanya dibuat selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendedahkan satu pelan damai bagi parti itu pada April 2002 untuk menamatkan perbalahan dalam parti komponen kedua terbesar BN itu.

MCA kini berpecah kepada dua kumpulan "Team A" yang diketuai Dr Ling dan "Tema B" bersama Lim.

Lim berkata selepas pelan damai itu, beliau telah menawarkan bantuan kepada presiden untuk bersatu dan bersama memberi tumpuan kepada usaha memenangi pilihan raya dengan mengeneipkan segala pertikaian.

Pada April 2002, Jawatankuasa Pusat MCA telah bersetuju melaksanakan pelan damai itu yang menetapkan peraturan tiada pertandingan, mengekalkan status quo bagi semua penyandang jawatan dari peringkat bahagian hingga ke pucuk pimpinan dan sebarang kekosongan diisi melalui rundingan serta kata sepakat kedua-dua pihak.

Lim berkata beliau menawarkan untuk membantu Dr Ling kerana beliau mahu parti terbesar kaum Cina itu cemerlang dalam pilihan raya akan datang dan menjadi "hadiah terbaik untuk Dr Mahathir sebelum melepaskan jawatan beliau."

Ditanya sama ada akan diadakan perundingan damai pusingan kedua antara kedua-dua kumpulan itu dengan Abdullah bertindak sebagai orang tengah, Lim berkata: "itu merupakan soalan cepumas, tetapi kita patut akur dengan nasihat Pak Lah (Abdullah)."

Sementara itu, Dr Ling dalam reaksi spontannya memberitahu media bahawa MCA tidak dapat melaksanakan rancangan damai itu ketika tuduhan masih dilemparkan terhadap satu sama lain, tanpa mempedulikan usaha damai Dr Mahathir.

"Anda tidak boleh kata yang anda mahukan satu rancangan damai dan (pada masa yang sama) anda kata anda mempunyai bukti mengenai beribu-ribu samseng dan kami kata tolong namakan mereka demi kepentingan MCA dan BN, anda enggan menamakannya. Ini tidak boleh menjadi satu pelan damai.

"Esoknya anda kata anda ada bukti beribu-ribu peminjam wang dalam MCA dan kami kata namakan mereka, anda tidak mahu menamakan mereka (ini) tidak mungkin satu pelan damai. Nanti pula (anda kata) dana Chang Ming Thien tidak bertanggungjawab dan kami pun bertanya kenapa, (kami mendapat) tiada apa-apa jawapan, itu tidak mungkin satu pelan damai," katanya.

Ditanya sama ada kemungkinan bagi satu rancangan damai diwujudkan bagi menamatkan perbalahan dalam parti buat masa ini, Dr Ling berkata MCA sentiasa menyambut baik perdamaian dan parti itu berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana mengusahakan agenda damai itu yang sepatutnya membawa kestabilan bagi MCA.

-- BERNAMA

AT KHY RON